



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil.24/2018

PROSES PILIHAN RAYA UMUM KE-14 (PRU-14) AKAN DIKENDALIKAN OLEH RAKYAT MALAYSIA

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin menjelaskan berhubung tuduhan yang mengatakan bahawa SPR tidak telus dalam menjalankan proses Pilihan Raya sama ada Pilihan Raya Umum (PRU) atau Pilihan Raya Kecil (PRK) adalah tidak benar. Dalam mengendalikan mana-mana urusan pilihan raya di Malaysia ianya bukanlah dilaksanakan secara bersendirian oleh SPR tetapi ia dikendalikan secara bersama antara SPR, rakyat Malaysia khususnya para pengundi dan juga semua calon atau parti-parti politik yang bertanding dalam pilihan raya.
2. Untuk pengetahuan umum, jumlah kakitangan SPR diseluruh negara hanyalah sekitar **750 orang sahaja** yang kebanyakannya akan bertugas di Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Ibu Pejabat atau Negeri-Negeri untuk menguruskan hal-hal berkaitan pentadbiran dan pengoperasian. Disamping itu, peranan kakitangan tetap SPR juga lebih menjurus dalam memberi latihan dan panduan kepada Pegawai Pengurus Pilihan Raya serta semua petugas lain supaya mereka menjalankan amanah yang diberikan dengan mematuhi semua peraturan dan undang-undang yang berkaitan.
3. Bagi mengendalikan urusan Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) ini, SPR telah melantik seramai lebih **250,000 orang petugas** pilihan raya sementara yang terdiri daripada orang awam ataupun rakyat Malaysia yang diberi kepercayaan untuk mengendalikan urusan PRU-14. Mereka yang dilantik ini berperanan sebagai pelaksana dalam semua urusan perjalanan pilihan raya khususnya dalam urusan pengundian, pengiraan undi, pengeluaran, pembukaan sampul, pengiraan dan juga penyimpanan kertas undi pos. Mereka merupakan

barisan hadapan yang bertugas di Pusat Penamaan Calon, Pusat Penjumlahan Rasmi Undi (PPRU), Pusat Mengundi dan Tempat Mengundi (Saluran).

4. SPR telah melantik Pegawai-Pegawai Pengurus dan Penolong-Penolong Pegawai Pengurus bagi mengendalikan pilihan raya berkenaan. Manakala Pegawai Pengurus pula bertanggungjawab untuk melantik petugas-petugas sokongan bagi mengisi jawatan-jawatan tertentu untuk membantu mereka dalam mengendalikan pilihan raya itu seperti jawatan;

- i. Penyelia Pusat Mengundi
- ii. Ketua Tempat Mengundi
- iii. Kerani Pengundian
- iv. Kerani Mengira Undi
- v. Pembantu Arah Pusat Mengundi
- vi. Kerani Pengundian dan Pengeluaran Undi Pos
- vii. Kerani Pembukaan dan Pengiraan Undi Pos
- viii. Kerani Semakan Daftar Pemilih
- ix. Pekerja Am
- x. Pemandu
- xi. Pembantu Pilihan Raya
- xii. dan lain-lain

5. Kebanyakan orang awam yang dilantik sebagai Petugas Pilihan Raya bagi mengendalikan pilihan raya itu adalah terdiri daripada penjawat awam, guru-guru sekolah, pekerja swasta, masyarakat setempat, orang perseorangan, mahasiswa dan sebagainya yang mempunyai pengalaman dan latar belakang politik yang pelbagai. Namun semasa menjalankan tanggungjawab sebagai petugas pilihan raya, mereka mesti bersikap bebas dan berkecuali walaupun mereka menyokong calon atau parti politik tertentu.

6. Disamping orang awam yang dilantik sebagai Petugas Pilihan Raya, urusan penjalanan PRU-14 juga akan turut dibantu oleh lebih **200,000 orang** petugas daripada pihak calon atau wakil parti-parti politik yang bertanding dalam pilihan raya itu. Mereka berperanan sebagai pemerhati atau pemantau penjalanan urusan Pilihan Raya Umum Ke-14 dengan bertindak pemerhati serta memantau semua proses pilihan raya seperti semakan daftar pemilih di barong-barong semakan, proses pengundian di tempat mengundi, proses pengiraan di tempat pengiraan undi, proses pengeluaran kertas undi pos, proses pembukaan sampul undi pos, penyimpanan peti undi pos dan pengiraan undi pos dan sebagainya.

7. Semasa PRU14, setiap Calon diberi keistimewaan untuk melantik ejen mereka. Terdapat beberapa kategori jawatan ejen-ejen calon yang dilantik oleh Calon atau Parti Politik yang bertanding di bahagian-bahagian pilihan raya untuk memerhati proses pilihan raya umum nanti iaitu:

- i. Ejen Pilihan Raya
- ii. Ejen Barung Semakan
- iii. Ejen Tempat Mengundi
- iv. Ejen Mengira Undi
- v. Ejen Pengeluaran Undi Pos
- vi. Ejen Pembukaan Sampul Undi Pos
- vii. Ejen Pengiraan Kertas Undi Pos
- viii. Ahli dalam Pasukan Penguatkuasaan Kempen Pilihan Raya (PPKPR)

8. Oleh yang demikian tuduhan dan persepsi yang mengatakan bahawa SPR melakukan penipuan semasa pilihan raya adalah tidak berasas dan tidak wajar, malah ia merupakan satu penghinaan kepada petugas-petugas pilihan raya yang terdiri daripada kalangan rakyat dan pengundi serta petugas-petugas calon/parti politik itu sendiri.

9. Justeru itu, jika mana-mana pihak menuduh SPR melakukan penipuan semasa pilihan raya bermakna mereka sebenarnya

menuduh rakyat Malaysia dan petugas-petugas parti politik itu sendiri kerana mereka itulah yang berada di barisan hadapan semasa Pilihan Raya Umum atau Pilihan Raya Kecil diadakan khususnya dalam proses pengundian, pengiraan undi dan penjumlahan undi.

10. Bagi tujuan memperlihatkan ketelusan proses pilihan raya yang dijalankan, SPR turut menjemput badan-badan pengurusan pilihan raya sebagai pemerhati antarabangsa dari 13 buah Negara seperti Negara anggota Asean, Komanwel, Asia dan lain-lain Negara termasuk *Malaysian Commonwealth Studies Centre* (MCSC) iaitu sebuah pusat kajian dan sokongan kepada badan pengurusan pilihan raya yang berpangkalan di Cambridge, United Kingdom untuk memerhati serta memberi maklum balas tentang perjalanan proses PRU14 nanti. SPR juga melantik pemerhati tempatan yang terdiri daripada Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan wakil-wakil Universiti bagi memerhati perjalanan proses PRU14.

11. Sebagai sebuah badan bebas dan berkecuali yang melaksanakan pilihan raya dengan telus dan adil, SPR amat berharap rakyat Malaysia memberi kepercayaan dan keyakinan sepenuhnya terhadap SPR dan semua petugas pilihan raya yang terdiri daripada orang awam serta pengundi itu sendiri dalam menjalankan tanggungjawab menegakkan amalan demokrasi di Negara ini.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI MOHD HASHIM BIN ABDULLAH

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

PUTRAJAYA

Tarikh : 5 April 2018 / 18 Rejab 1439H